



Ruj. Kami : JP PTK 207/KIE/728/B JLD. 4(10)
Tarikh : 17 Oktober 2016

SENARAI EDARAN

Tuan,

KETETAPAN PENGISIAN MAKLUMAT SIJIL FITOSANITASI BERDASARKAN PERKARA 4; "SPECIFIC CONSIDERATION FOR PREPARATION & ISSUANCE OF PHYTOSANITARY CERTIFICATES" DALAM ISPM NO. 12 (PHYTOSANITARY CERTIFICATES)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan ketetapan antarabangsa bagi pengeluaran dan penyediaan maklumat pada Sijil Fitosanitasi (SF) dalam "*International Standard of Phytosanitary Measures No. 12*" (ISPM 12), perkara 4. "*Specific Consideration for Preparation and Issuance of Phytosanitary Certificates*", *International Plant Protection Convention (IPPC)* yang hanya membenarkan kandungan maklumat berkaitan fitosanitasi dan kuarantin sahaja.

"*Phytosanitary certificates should only contain information related to phytosanitary matters. They should not include statements related to non-phytosanitary requirements such as animal or human health matters, pesticide residues, radioactivity, commercial information (e.g. letters of credit), or quality.*"

3. Bagi memastikan keseragaman pengeluaran SF antara semua pejabat pengeluar SF dan pematuhan prosedur pengeluaran SF berdasarkan ketetapan ISPM 12 untuk tujuan fitosanitasi dan kuarantin sahaja, maka tuan/puan diminta memantau dan memastikan maklumat seperti berikut **TIDAK DIMASUKKAN** ke dalam mana-mana ruangan dalam SF sepertimana diminta oleh pihak pengeksport;

- i. Maklumat dan terma-terma dalam perjanjian perniagaan antara pembeli dan penjual termasuk nombor rujukan seperti pada dokumen *Letters Of Credit (LC)*, *Bills Of Lading (BL)*, *Value Added Tax Identification Number (VAT atau VATIN)*, *Invoice Number (IN No.)*, *Contract Number (CN No.)*, *Purchase Order (PO)*, *As Per Order No.*, *Purchase contract number* dan lain-lain kenyataan berkaitan komersial termasuk nama bank dan nombor pendaftaran syarikat pengeksport dan pengimport.
- ii. Kenyataan berkaitan pemakanan seperti "*Fitness for human consumption*", kandungan racun atau residue kimia, "*aflatoxins*" atau "*mycotoxins*", "*Freedom from animal diseases*" dan kenyataan mengenai isu kesihatan pada haiwan.

Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab



- iii. Kenyataan gred dan/atau kualiti konsainan.
- iv. Kenyataan nama lokasi atau nama negara komoditi dihasilkan seperti *Made in Malaysia, Process in Malaysia, Manufactured in Malaysia, Country of process/ manufactured in Malaysia, Repacking / Packing in Malaysia* dan sebagainya dengan maksud yang sama.
- v. Kenyataan kandungan genetik dan/atau kerintangan pada sesuatu penyakit.
- vi. Kenyataan tujuan kegunaan seperti “*for scientific purposes*” dan sebagainya.
- vii. Tahap kandungan bahan radioaktif, radiasi nuklear atau *radionuclides* yang dikaitkan dengan komoditi.
- viii. Kenyataan rujukan bahan dibiakkan secara buatan atau tumbuhan liar yang dikutip.
- ix. Kenyataan maklumat dan pengisytiharan nombor kawalan rawatan “*Wood Packaging Material (WPM)*” sebagai produk yang dieksport atau sebahagian bersama konsainan lain yang dieksport dalam SF. Sila rujuk ISPM 15 berkaitan “*Regulation of Wood Packaging Material in International Trade*” sebagai panduan mengenai perkara ini.

4. Maka, bagi mengelakkan penyalahgunaan SF oleh pengeksport untuk tujuan bukan berkaitan sanitasi dan fitosanitasi serta implikasi notifikasi oleh negara pengimport dan badan yang mengawalselia ISPM iaitu IPPC ke atas Jabatan Pertanian selaku *National Plant Protection Organization* pada masa hadapan kelak, **pihak tuan diminta untuk mematuhi arahan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat ini.**

5. Kerjasama pihak tuan juga diminta untuk memaklumkan dan mengingatkan semua pengeksport yang berurusan dipejabat tuan untuk mematuhi arahan mengenai maklumat dan kenyataan seperti yang telah disenaraikan diatas.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(FARIDAH AINI BINTI MUHAMMAD)

Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian.

s.k.:

1. Timbalan Pengarah
Seksyen Kawalan Import/Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

SENARAI EDARAN

1. Ketua Penolong Pengarah
Unit Perakuan Fitosanitasi
Sekyen Kawalan Import dan Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Kuala Lumpur.
2. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Bukit Temiang, Perlis.
3. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Ipoh, Perak.
4. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jalan Abdul Samad, Johor Bahru, Johor.
5. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Chembong, Negeri Sembilan.
6. Pegawai Kuasa Usaha K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Pulau Gadong, Melaka.
7. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Kuantan, Pahang.
8. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Lundang, Kota Bharu, Kelantan.
9. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Cameron Highland, Pahang.
10. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Ayer Hitam, Johor.
11. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
KLIA, Sepang, Selangor.

12. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Teluk Chengai, Kuala Kedah, Kedah.
13. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Pelabuhan Klang Utara, Selangor.
14. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Butterworth, Pulau Pinang.
15. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Chenderung Balai, Perak.
16. Pegawai Kuasa Usaha, K/U
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan,
Wilayah Persekutuan Labuan.